

Perlembagaan Persekutuan Sebagai Wadah Penyatuan Kaum dan Integrasi Nasional: Satu Tinjauan

Konvensyen Sejarah Malaysia 2024

Prof Dr Nik Ahmad Kamal bin Nik Mahmud

Universiti Taylor

Negeri-negeri Melayu Bersekutu

- Negeri Melayu Bersekutu (FMS) ditubuhkan oleh British pada tahun 1895;
- Sebuah Persekutuan dianggotai oleh Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang;
- Ia bukan sebuah Persekutuan sebenar; ia satu mekanisme pelaksanaan polisi yang setara disetiap negeri melalui majlis perundangan negeri yang dipengerusikan oleh sultan;
- Persekutuan tersebut bertujuan untuk mewujudkan kerajaan pusat yang kuat serta berdaulat terhadap negeri-negeri anggota;
- Ini punca utama Negeri-negeri Tidak Bersekutu (UFMS) memutuskan tidak menganggotai Negeri-negeri Bersekutu.

Persekutuan Tanah Melayu 1948

- Faktor-faktor Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948
- Orang Melayu, Raja-raja Melayu, cendekiawan Melayu dan UMNO berganding bahu bantah MU kerana MU beri kesan buruk kepada raja dan orang Melayu;
- Menggantikan Malayan Union dengan sebuah Persekutuan:
 1. Penubuhan persekutuan bertaraf naungan, bukannya jajahan
 2. Perjanjian baharu untuk gantikan MU
 3. Jawatan Pesuruhjaya Tinggi gantikan Gabenor
 4. Raja berkuasa dalam perundangan
 5. Perkataan "Negeri-negeri Melayu" perlu muncul dalam persekutuan yang baharu

...seterusnya

Sokongan Pentadbiran British

Pentadbir British menyokong konsep persekutuan.

Terdapat pegawai tinggi British yang mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu.

Politik stabil.

Pelabur luar akan melabur di negara ini.



...seterusnya

- Kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948:
 - Mengembalikan kedudukan raja-raja Melayu;
 - Menjaga keistimewaan orang Melayu;
 - Mengwujudkan kerjasama kaum;
 - Membuka ruang kewarganegaraan.

Ciri-ciri PTM 1948

- Dibentuk menerusi gabungan sembilan negeri Melayu dan dua Negeri-negeri Selat.
 - Singapura kekal sebagai tanah jajahan British yang berasingan.
 - Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai kuasa eksekutif.
 - Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam hal kewangan.
 - Majlis Mesyuarat Persekutuan (MMP) dan Majlis Perundangan Persekutuan ditubuhkan untuk membantu Pesuruhjaya Tinggi British.
 - MMP mengandungi ahli rasmi dan tidak rasmi.
 - Ahli tidak rasmi dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi.
 - Ahli MMP terdiri daripada pelbagai kaum.
-

Raja-raja Melayu

- Kuasa Raja-raja Melayu
 - Peringkat Persekutuan
 - Pembentukan Majlis Raja-raja.
 - Membolehkan Raja-raja Melayu memberikan pandangan.
 - Memperkenankan rang undang-undang.
 - Peringkat Negeri
 - Sultan bertanggungjawab mengesahkan rang undang-undang yang diluluskan dalam Dewan Perundangan Negeri.

Kewarganegaraan

Secara Kuat Kuasa Undang-undang

- *Jus Soli* terbuka kepada rakyat Raja (orang Melayu dan Orang Asli yang lahir dan tinggal di negeri Melayu) dan rakyat British (mereka yang lahir di Melaka, Pulau Pinang dan mana-mana jajahan British).
- Lahir di luar negeri, ayahnya mestilah rakyat Raja atau British.
- Penduduk asal dari negeri Melayu.
- Rakyat yang serasi, memahami adat resam dan bertutur bahasa setempat.

Secara Pendaftaran

- Dilahirkan dalam PTM dan bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonannya.
- Seseorang perlu mempunyai tingkah laku yang baik, tiada rekod jenayah, menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
- Bersetuju taat setia kepada PTM.



...seterusnya

Raja-raja Melayu
diberikan semula
kedaulatan baginda.

Tanah Melayu
mendapat taraf
naungan dan syarat
kewarganegaraan
diperketatkan.

Dorongan kepada PTM 1948

Raja-raja, cendekiawan Melayu dan UMNO berganding bahu dan membantah pelaksanaan Malayan Union.

Buktinya, apabila Gammas dan Rees William (wakil British) membuat laporan kepada British menyatakan sekiranya Malayan Union dilaksanakan, keadaan huru-hara akan berlaku.

...Malayan Union



...seterusnya

Malcolm MacDonald, Gabenor Jeneral dan Sir Edward Gent, Gabenor Malayan Union mengadakan pertemuan dan rundingan dengan Raja-raja Melayu.

Penubuhan persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan.

Perjanjian baharu untuk menggantikan Malayan Union.

Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor.

Raja berkuasa dalam perundangan.

Perkataan "Negeri-negeri Melayu" perlu muncul dalam persekutuan yang baharu.

Suruhanjaya Reid

- Suruhanjaya Reid mencadangkan penubuhan sebuah kerajaan pusat yang kuat, dengan negeri-negeri mempunyai sedikit sebanyak autonomi, dan kewujudan mekanisme perundingan tertentu antara dua tahap kerajaan dalam Persekutuan.
- Pengwujudan Majlis Kewangan Kebangsaan, misalnya, ialah contoh kebimbangan Suruhanjaya Reid mengenai kemungkinan konflik yang berpanjangan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri;
- SR berpandangan adalah lebih baik memberi kuasa lebih besar kepada kerajaan pusat;
- Rangkakerja Perlembagaan Persekutuan 1948 diteruskan;
- Kuasa dan kepentingan negeri-negeri dilindungi dalam bentuk kuasa Senat terhadap pindaan Perlembagaan.

...seterusnya

- Menurut Shad Saleem Faruqi, merungkai sejarah federalisma di Malaysia, Persekutuan Malaysia, berpihak kepada kerajaan pusat;
- Kuasa kerajaan pusat yang luas berbanding dengan kuasa kerajaan negeri;
- Banyak kuasa penting terletak di tangan kerajaan pusat;
- Walaupun negeri diberi kuasa dan dilindungi, kuasa kerajaan pusat semakin melebar dan tidak mengecil.
- Sebab utama ialah sejarah federalisme di Malaysia yang mengutamakan penyatuan politik di antara negeri-negeri, dan mewujudkan sebuah kerajaan pusat yang kuat untuk memelihara kesatuan tersebut.

...seterusnya

- Kajian menunjukkan bahawa pada awal pembentukan Malaysia, hanya beberapa isu kecil Persekutuan timbul sebab kerajaan pusat mempunyai pengaruh yang besar terhadap negeri-negeri.
- Di bawah Tun Mahathir, kuasa pusat dipelihara dengan lebih ketat kerana pada beliau jika banyak autonomi diberi kepada negeri-negeri akan menimbulkan lebih banyak masalah dalam menerajui kerajaan;
- Selepas PU 2008 (GE 12), Selangor di bawah pembangkang telah sedaya upaya membina autonomi mereka seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan;
- Ini telah menyebabkan kurangnya Kerjasama antara pusat dan negeri.

Konflik Kerajaan Pusat dan Negeri- negeri

- Selepas PRU 1959 – Kelantan diperintah oleh parti pembangkang;
- Kerjasama antara dua kerajaan semakin kurang khususnya apabila dana pusat tidak digunakan sepenuhnya untuk negeri Kelantan sebab sikap syak wasangka antara satu sama lain;
- Misalnya Kerajaan memperkenalkan skim Pembangunan tanah mereka sendiri dan membina jambatan Yahya Petra menggunakan dana negeri Kelantan;
- Kelantan membantah kemasukan Sabah, Sarawak dan Singapura pada tahun 1963;
- Dalam kes *Government of the State of Kelantan v The Government of the Federation of Malaya and Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj* [1963] MLJ 355, kerajaan Kelantan membantah kemasukan Sabah, Sarawak dan Singapura ke dalam Persekutuan kerana Perjanjian Malaysia yang ditandatangani tidak sah kerana perjanjian tersebut tidak didahului dengan kebenaran dari negeri-negeri asal dalam Persekutuan. Mahkamah menolak saman kerajaan Kelantan.



...seterusnya

- Selepas PRU 1964 (PRU 2), kerajaan Kelantan bersetuju menerima peruntukan dari kerajaan pusat untuk membangunkan Kawasan luar bandar;
- Tahun 1967 – kerajaan pusat bersetuju memberi pinjaman RM 1 juta untuk Kelantan dengan syarat kerajaan Kelantan merujuk nasihat pusat sebelum mengisytiharkan bajet tahunan negeri 1968;
- Kelantan tidak mematuhi syarat tersebut dan kerajaan menarik balik pinjaman tersebut;
- Namun semua peruntukan berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan diberi kepada Kelantan.

...seterusnya

Dalam kes *Government of Malaysia v Government of the State of Kelantan* [1968] 1 MLJ 129, kerajaan Persekutuan menegaskan bahawa perjanjian kewangan antara kerajaan negeri dan sebuah syarikat, Timbermine Industrial Corporation Co Ltd, bertentangan dengan perkara 111(2) Perlembagaan;



Per 111(2) menyatakan sebarang bentuk pinjaman kewangan negeri-negeri perlu mendapat kelulusan dari kerajaan pusat;



Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa ia bukan pinjaman menurut peruntukan perkara 111(2), dan tidak bertentangan dengan peruntuka tersebut.

...seterusnya

- Selepas PRU 3 1969, darurat disiytihakarkan;
- Darurat memberi ruang untuk menyatukan kesemua kuasa politik;
- Barisan Nasional (BN) ditubuhkan pada bulan September 1972, dan PAS menganggotai BN;
- Kuasa eksekutif ketika darurat yang luas di bawah perkara 150 (2B), (5) & (6) memberi ruang kepada perlaksanaan kuasa ini;
- Perkara 150 (4) menyatakan bahawa kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa menjalankan kuasa eksekutif terhadap negeri-negeri termasuk kuasa dalam ruanglingkup perkara-perkara kuasa perundangan negeri.



Peruntukan-peruntukan utama

- Perkara 32 – Ketua Utama (Supreme Head) Persekutuan;
 - Perkara 39 – YDPA ; menjalankan kuasa esksekutif;
 - Perkara 3 – Islam agama Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan secara aman dan harmoni di mana-mana bahagian di Persekutuan.
 - Perkara 11(1) – setiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, dan tertakluk kepada klausa (4), untuk menyebarkan.
 - Perkara 11(4) – undang-undang negeri boleh mengawal atau menghadkan penyebaran sebarang doktrin agama atau kepercayaan di kalangan mereka yang beragama Islam.
-

...seterusnya

Perkara 12(3) Tiada sesiapa diwajibkan untuk menerima sebarang tunjuk ajar atau mengambil bahagian dalam upacara atau ibadat agama selain dari agamanya.

Perkara 152 – Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Tiada siapa yang boleh dilarang dari mengajar dan belajar, bahasa-bahasa lain (kecuali untuk tujuan rasmi).



...seterusnya

- Perkara 153 – DYMM Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab melindungi hak Istimewa orang Melayu dan bumiputra Sabah dan Sarawak dan hak yang sah kaum-kaum.
-

Perlembagaan Persekutuan Sebagai Teras Perpaduan Rakyat

1. Perlembagaan Persekutuan sebagai alat untuk mencapai perpaduan dan integrasi nasional
2. Peranan Perlembagaan Persekutuan sebagai doktrin untuk memastikan rakyat hidup saling memahami perbezaan antara satu sama lain.

• Tiga teras perpaduan:

- **Patriotisme dan demokrasi** – Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara, kewarganegaraan, pilihanraya bebas, parlimen, perdana menteri dan kabinet
- **Identiti nasional** – Bahasa Melayu, agama Persekutuan, kebebasan beragama, Yang di-Pertuan Agong, dan raja-raja Melayu, pembahagian kuasa antara Persekutuan dan negeri-negeri
- **Ekosistem perpaduan** – kebebasan beragama, hak istimewa orang Melayu, Bahasa Melayu, Rukun Negara.
- **Perlembagaan Persekutuan menggariskan pasak negara**, iaitu kedudukan Raja Berperlembagaan, Islam sebagai agama Persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Perkara 153 menjaga kedudukan orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak.



Langkah-langkah menuju perpaduan

- Sentiasa menghormati perbezaan yang ada dalam kalangan masyarakat majmuk di negara tercinta ini.
 - Anggota masyarakat juga perlu terus menyuburkan budaya toleransi dan bertolak ansur antara satu sama lain.
 - Belajar daripada generasi terdahulu yang sanggup bertolak ansur dengan mengetepikan segala ego serta kepentingan peribadi dan etnik masing-masing demi membuktikan kepada penjajah bahawa kita mampu bersatu hati dan bersedia untuk merdeka serta mampu membentuk negara dan pentadbiran sendiri dalam suasana kehidupan yang harmoni serta stabil.
 - Budaya bertolak ansur, sabar serta sedia berkorban itu kelihatan semakin terhakis.
 - Defisit kepercayaan dan keyakinan terhadap etnik lain turut mengeruhkan lagi keadaan.
 - Akibatnya kita mudah marah dan melenting serta terlalu mementingkan diri sendiri atau etnik masing-masing sahaja.
-

...seterusnya

- Kontrak sosial perlu terus dijadikan sebagai prinsip dan panduan hidup masyarakat majmuk di negara ini menyemarakkan aktiviti kemasyarakatan di semua peringkat lapisan anggota masyarakat.
- Aktiviti seperti kenduri rakyat, gotong-royong serta rumah terbuka di musim perayaan wajar dirancarkan supaya ianya mampu memperkukuhkan ikatan tali persaudaraan antara etnik yang ada.
- Para pemimpin masyarakat di semua peringkat perlu menggerakkan aktiviti yang terus menonjolkan kepelbagaian dan keunikan setiap etnik dalam usaha memupuk semangat perpaduan nasional di setiap komuniti.
- Semua rakyat seharusnya mengambil tahu dan memahami amalan serta tradisi etnik lain termasuk makanan dan pakaian mampu mewujudkan budaya hidup saling hormat menghormati antara satu sama lain.
- Sebagai asas kepada pembentukan perpaduan nasional, ibu bapa dan keluarga perlu memainkan peranan yang signifikan dengan menerapkan kepada anak-anak kepentingan memahami dan menghormati amalan dan budaya rakan-rakan dari etnik lain.
- Perpaduan nasional perlu bermula dari rumah.

Peranan Rukun Negara

- Walaupun RN tiada dalam Perlembagaan Persekutuan, penghayatan kepada prinsip-prinsip RN memainkan peranan penting dalam menerapkan sifat cintakan negara dan juga menjaga perpaduan antara kaum dan agama.
- Prinsip Rukun Negara yang menekankan nilai keseimbangan, toleransi dan keadilan wajar ditonjolkan sebagai asas yang memacu interaksi masyarakat majmuk di negara kita.
- RN dikatakan lebih berkesan berbanding dengan kontrak sosial sebagai perintis perpaduan yang perlu diteruskan, sebaliknya asas baru yang melebihi ekankan kesamarataan hak perlu dilaksanakan buat generasi Malaysia Baharu.
- Prinsip Rukun Negara yang menekankan nilai keseimbangan, toleransi dan keadilan wajar ditonjolkan sebagai asas yang memacu interaksi masyarakat majmuk di Malaysia.

...seterusnya


- Agenda pembinaan negara bangsa mampu direalisasikan selagi mana setiap kumpulan etnik yang wujud dalam masyarakat mempunyai keinginan yang kuat untuk hidup bersama (coexistence).
- Keinginan inilah yang akan mengukuhkan nilai persamaan serta merapatkan jurang perbezaan sesama anggota masyarakat, seterusnya merintis kerjasama yang utuh dalam usaha mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional.
- Prinsip Rukun Negara yang dirangka pada tahun 1971 telah dijadikan sebagai teras utama negara, selain pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990) sebagai rancangan jangka panjang bagi menyusun semula ketidakseimbangan ekonomi masyarakat serta membasmi kemiskinan.
- Dua dasar besar ini telah didukung oleh banyak dasar lain bertujuan mencapai matlamat integrasi nasional.
- Tanpa amalan, Rukun Negara akan menjadi secebis dokumen yang tidak mempunyai makna, adalah mustahak Rukun Negara bukan sahaja difahami oleh setiap rakyat, tetapi juga diamalkan dengan sepenuhnya, dan segala hikmat-hikmat yang terkandung di sebalik tiap-tiap perkataan dan kalimat Rukun Negara itu benar-benar menjadi darah daging.



Dua bahagian Rukun Negara:

- Kenyataan kepercayaan atau tujuan/objektif:
 - Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat,
 - Memelihara satu cara hidup demokratik,
 - Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama,
 - Membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak, dan
 - Membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.
-

...seterusnya





Perlembagaan dan Masyarakat Madani

1. perlembagaan Persekutuan sebagai asas ke arah kejayaan pembentukan masyarakat Malaysia MADANI.
 2. Merujuk kepada realiti masyarakat semasa, bagaimana kandungan dalam Perlembagaan Persekutuan boleh direalisasikan sebagai asas perpaduan dan integrasi nasional di Malaysia dalam membentuk masyarakat MADANI.
- **Malaysia MADANI (MM)** merupakan suatu ikhtiar secara bersepadu dan holistik untuk menjadikan segala dasar dan pelaksanaan di Malaysia lebih manusiawi yang sentiasa ditambah baik menerusi musyawarah dan maklum balas rakyat.
 - **MM** dirangka sebagai ikhtiar untuk memetakan strategi tata kelola dan pentadbiran negara secara berkesan, menekankan kepada pemeraksanaan ekonomi dan budaya, yang berteraskan nilai, etika atau akhlak.
1. **MM** mahu mengangkat martabat manusia dan menegakkan keadilan menjadi asas penting. P
-

...seterusnya

Satu di antara konsep penting dalam MM adalah berlakunya keseimbangan dan mampan. Keseimbangan ini memberi keadilan kepada seluruh rakyat tanpa melakukan diskriminasi, kezaliman dan penindasan.


Membangun Malaysia Madani menepati elemen keterangkuman bagi membina masyarakat bertamadun, bukan sahaja dari aspek fizikal, malah melahirkan modal insan yang cemerlang spiritual

Madani menitik beratkan kepada masyarakat yang diurus dengan baik dan mencapai tujuan pembinaan peradaban bangsa.

Konsep dan falsafah negara madani secara naratifnya adalah untuk mengangkat manusia, menegakkan keadilan dan beri kebebasan yang bertanggungjawab.

Konsep ini menekankan aspek tata kelola yang menekankan kepada pelaksanaan terhadap dasar sedia ada terutamanya dalam kemelut politik dan ekonomi yang dihadapi negara sekarang ini.

...seterusnya



...seterusnya

Konsep ini juga menekankan aspek tata kelola yang menekankan kepada pelaksanaan terhadap dasar sedia ada terutamanya dalam kemelut politik dan ekonomi yang dihadapi negara ketika ini.

Gagasan Perdana Menteri melalui masyarakat Madani adalah melahirkan Malaysia yang maju dan tinggi tamadunya.

Kemajuan ini bukan dinilai dari segi kebendaan atau ekonomi semata-mata, namun yang lebih penting kemajuan dari segi pemikiran dan peradaban.

Apa yang diharapkan dari MM?

sama, perlu ada rangsangan lain untuk memenuhi matlamat atau agenda yang ditetapkan dalam tonggak Madani.

Ternyata Malaysia Madani akan membawa rakyat ke arah yang lebih baik, sama ada dari segi ekonomi mahupun sosial. Namun kerangka dasar baharu ini akan memberi peluang dan ruang ekonomi kepada rakyat, terutama golongan B40.

Konsep Malaysia Madani diharap dapat membantu membuka ruang kerjaya yang lebih luas kepada golongan muda yang berhadapan dengan isu pengangguran yang semakin mencemaskan.



...seterusnya

- Begitu juga dengan konsep kedua iaitu kerjasama.
- Ini terserlah dengan pembentukan Kerajaan Perpaduan hari ini hasil muafakat dan kerjasama beberapa parti berbeza. Semangat ini perlu dibawa dalam konteks pembangunan negara dan sudah tentu ia pemangkin kemajuan negara.
- Melalui konsep Malaysia Madani juga, rakyat mahu melihat kematangan politik negara supaya berada dalam keadaan stabil. Rakyat akan yakin dasar baharu itu dapat memacu kemajuan negara terutama dalam pembangunan ekonomi, jika pemimpin komited dan beriltizam memastikan
- kesejahteraan rakyat terus terbela. Maka, setiap rakyat perlu terbabit dalam membangun Malaysia Madani. Kesejahteraan rakyat bermula dengan ekonomi yang stabil, selain pembangunan modal insan yang mampan.

Kontrak Sosial

Konsep kontrak sosial itu merujuk kepada persetujuan bersama yang tercapai dalam kalangan pemimpin Melayu, Cina dan India pada 1956.

Persetujuan dan kesepakatan itu berlaku ketika Suruhanjaya Reid sedang mengumpulkan pandangan pelbagai pihak yang tinggal di negeri-negeri Tanah Melayu untuk menggubal Perlembagaan Persekutuan bagi mencapai kemerdekaan pada 1957.

Perlembagaan negara kita unik kerana ia terhasil melalui perjuangan orang Melayu menolak Malayan Union dan rakyat menuntut kemerdekaan.

Setakat mana kontrak
sosial masih relevan
dalam konteks
Perlembagaan
Persekutuan dan realiti
semasa Malaysia?

kontrak sosial masih lagi relevan selagi ia mampu menjamin keutuhan, kestabilan dan perpaduan rakyat di negara ini.

matlamat untuk mengadakan kontrak sosial adalah untuk mewujudkan masyarakat harmoni, sejahtera dan bersatu padu.

Tambahnya, matlamat kontrak sosial itu baik kerana ia mampu menjamin kestabilan politik dan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Kontrak sosial bukan istilah yang wujud dalam Perlembagaan Persekutuan pada 1957, tetapi pemuafakatan yang mewakili semangat penyatuan masyarakat majmuk yang mempunyai roh perlembagaan berkenaan.

Kontrak sosial harus difahami sekurang-kurangnya berhubung empat perkara utama, iaitu perlembagaan, kemerdekaan, hubungan kaum dan sistem pemerintahan negara.

Kontrak Sosial

Jika tiada kontrak sosial, mungkin negara kita gagal mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 kerana penjajah British ketika itu menjadikan pemuafakatan kaum sebagai prasyarat untuk membolehkan Malaya diiktiraf sebagai negara merdeka.

Kontrak sosial (KS) dan *jus soli* kekal relevan sehingga kini serta tidak seharusnya dijadikan polemik dan dipertikaikan.

Walaupun banyak perkara berhubung kontrak sosial terhakis akibat sistem meritokrasi dalam kemasukan pelajar ke universiti serta perkhidmatan awam, persetujuan yang sudah termeterai sekian lama itu perlu diteruskan.

“Dasar yang dipersetujui menerusi kontrak sosial mengambil kira semua aspek dan ia tidak hanya sesuai pada zaman berkenaan, sebaliknya kekal relevan pada masa kini.

Persepsi generasi muda masa kini kontrak sosial dan *jus soli* hanya sesuai pada era nenek moyang mereka, sedangkan ia relevan sepanjang zaman.

Kontrak Sosial

Selagi sembilan Sultan dan Majlis Raja-Raja melindungi hak keistimewaan orang Melayu dan Islam di negara ini, selagi itulah kontrak sosial yang perlu terus dipertahankan.

Untuk melindungi hak dan keistimewaan ini pemansuhan Akta Hasutan 1948 tidak sesuai kerana dibimbangi nanti ada puak tertentu mengambil kesempatan mempertikaikan dasar yang boleh menggugat keharmonian kaum.

Dr. Abdul Aziz Bari menjelaskan walaupun konsep kontrak sosial tersebut tidak tertulis secara hitam putih, ia sebenarnya dimanifestasikan dalam Perlembagaan menerusi beberapa peruntukan termasuk Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Selain itu katanya, makna kontrak sosial dimanifestasi dalam pelbagai aspek lain dalam Perlembagaan termasuk Perkara 3 (berkenaan Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, manakala agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman di mana-mana bahagian Persekutuan), Perkara 152 (penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi).

Wujud unsur tolak ansur sebab dalam Perkara 152 misalnya walaupun bahasa Melayu jadi bahasa kebangsaan, bahasa-bahasa lain masih boleh dituturkan.

Kontrak Sosial

Dr. Abdul Aziz juga berpandangan bahawa kontrak sosial dalam konteks negara ini boleh berubah mengikut keadaan seperti dibuktikan menerusi pindaan Perkara 153 pada tahun 1963 apabila Sabah dan Sarawak menyertai Persekutuan.

Apabila Bumiputera Sabah dan Sarawak diberi kedudukan yang sama (dengan orang Melayu), pada 1963 (Perkara 153) dipinda bahawa sekarang Yang di-Pertuan Agong diberi tanggungjawab untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum lain.

Dari segi relevan dan kepentingannya (kontrak sosial), ia penting untuk semua orang, Melayu dan bukan Melayu sebab tanpa kontrak sosial keadaan negara akan kacau dan siapa pun tak boleh hidup dengan aman.

Kesimpulan

Perlembagaan Persekutuan tidak menyediakan rangka khusus untuk negara mencapai matlamat perpaduan dan integrasi nasional .

Namun Perlembagaan Persekutuan telah menyediakan asas yang kukuh untuk mencapai matlamat tersebut.

Kerajaan dan rakyat hanya perlu menggunakan asas yang jelas dalam Perlembagaan untuk mewujudkan polisi, perancangan, strategi dan 'action plan' yang menyeluruh untuk mencapai matlamat tersebut.